



06 JAN, 2025

SEKTOR EPCC BERKAITAN RE DI JANGKA OPTIMIS TAHUN INI

Utusan Malaysia, Malaysia



SEKTOR EPCC BERKAITAN RE DIJANGKA OPTIMIS TAHUN INI

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
zakkina.tarmizi@utusanmalaysia.com.my

PETALING JAYA: Penganalisis optimis terhadap sektor tenaga dan utiliti apabila kerja kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan penyampaian (EPCC) berkaitan tenaga boleh diperbaharui (RE) dijangka menghasilkan buku pesanan dan pendapatan yang tertinggi pada 2025.

Menurut TA Research, ia akan disokong oleh pelaksanaan projek Program Kuasa Hijau Korporat (CGPP) sebanyak 800 megawatt (MW) dan projek solar berskala besar kelima (LSS5) sebanyak 2,000MW, yang dijangka siap menjelang akhir tahun kewangan 2025 dan pada tahun kewangan 2026 serta tahun kewangan 2027.

Firma penyelidikan itu berkata, bidaan tarif LSS5 akan mencerminkan penurunan dalam harga modul solar global, yang telah jatuh lebih 60 peratus selepas mencapai puncaknya pada akhir 2021.

Modul solar dianggarkan menyumbang sehingga 50 peratus daripada kos EPCC semasa pembinaan LSS4.

"Sebagai hasilnya, kami menganggarkan kos EPCC keseluruhan akan menurun sekitar 30 peratus sejak LSS4, yang akan diterjemahkan kepada bidaan tarif yang lebih rendah sekitar 14 hingga 16 sen per kilowatt-jam untuk LSS5 berbanding bidaan tarif purata 20 sen per kilowatt-jam dalam LSS4,"

"BIDAAN TARIF LSS5 AKAN MENCERMINKAN PENURUNAN DALAM HARGA MODUL SOLAR GLOBAL, YANG TELAH JATUH LEBIH 60 PERATUS SELEPAS MENCAPAI PUNCAKNYA PADA AKHIR 2021."

katanya dalam nota penyelidikan. Proses penilaian bidaan LSS5 telah selesai dan pembida yang disenarai pendek akan diberitahu secara langsung oleh Suruhanjaya Tenaga mulai 23 Disember 2024.

TA Research juga memaklumkan, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (Petra) mengumumkan pelbagai insentif berkaitan program solar untuk penggunaan sendiri (SelCo).

Katnya, insentif tersebut dibuat berikutan naik taraf dalam program Net Energy Metering (NEM), baru-baru ini.

"Program NEM pada dasarnya membenarkan penajaan solar berlebihan dieksport ke grid sebagai kredit untuk mengimbangi kos penggunaan kuasa grid, sementara SelCo adalah untuk penggunaan sendiri sahaja.



SEKTOR tenaga dan utiliti dijangka menghasilkan buku pesanan dan pendapatan lebih tinggi pada tahun ini.
- GAMBAR HIASAN

Seperti NEM, SelCo juga di-sasarkan untuk pemasangan solar di bumbung, tetapi kuotanya amat terhad.

"Kami melihat naik taraf program SelCo secara positif, terutamanya keputusan untuk memperluaskan perkhidmatan ini bagi pemasangan solar di tanah dan permukaan air, yang dapat membuka peluang besar selain hanya solar di bumbung," katanya.

Firma berkenaan turut

mengekalkan penarafan berat sebelah pada sektor tenaga dan utiliti, berdasarkan ketidakseimbangan permintaan-penawaran dalam pasaran penajaan tenaga, pelaksanaan tenaga RE yang tertinggi, kemungkinan peningkatan perbelanjaan modal bagi grid, serta permulaan eksport RE Malaysia.

"Sektor ini akan terus dipacu oleh peralihan tenaga yang disokong oleh sasaran campuran

RE agresif NETR sebanyak 70 peratus menjelang 2050, manakala kemasukan kapasiti pusat data dijangka memacu pertumbuhan permintaan yang kuat, menyokong keperluan bagi kapasiti penajaan baharu," tambahnya.

Ia mengenal pasti penerima manfaat utama dalam subsektor EPCC RE termasuk Samaiden Group Bhd, Solarvest Holdings Bhd, Sunview Group Bhd dan Pekat Group Bhd.